Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 24 Julai 2026

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN MEI 2026

Prospek ekonomi Malaysia kekal positif dengan Indeks Pelopor Malaysia mencatatkan 0.8 peratus pada Mei 2026

PUTRAJAYA, 24 JULAI 2026 – Indeks Pelopor (IP) Malaysia bagi Mei 2026 terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.8 peratus, merekodkan 114.4 mata berbanding 113.5 mata pada Mei 2025 **(Paparan I)**. Butiran lanjut terkandung dalam penerbitan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN MEI 2026,** yang diterbitkan pada hari ini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). IP memberi petunjuk awal tentang titik perubahan dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi dalam tempoh terdekat.

Mengulas lanjut mengenai dapatan terkini, DOSM menyatakan bahawa peningkatan ini dipacu oleh prestasi positif beberapa komponen terutamanya Penawaran Wang Benar, M1 (9.2%) dan Import Benar Semi Konduktor (2.7%), selaras dengan kecairan ekonomi yang stabil serta pengembangan aktiviti pengeluaran berkaitan komponen elektronik. Namun begitu, dari perspektif bulanan, IP mencatatkan penurunan 0.5 peratus pada Mei 2026 susulan penyederhanaan dalam tiga daripada tujuh komponen iaitu Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (-0.6%), Bilangan Syarikat Baharu Didaftar (-0.4%) dan Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (-0.2%).

Meneliti trend arah aliran jangka panjang terlicin pada Mei 2026, IP kekal berada di bawah 100.0 mata **(Paparan II).** Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia dijangka berdaya tahan disokong oleh permintaan domestik yang stabil serta keupayaan negara untuk menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran global dan perkembangan teknologi semasa.

Sementara itu, Indeks Serentak (IS) yang menggambarkan keadaan ekonomi semasa meningkat 2.5 peratus, mencatatkan 131.2 mata pada Mei 2026 berbanding 128.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan dalam hampir kesemua komponen, kecuali Kapasiti Penggunaan Dalam Pembuatan. Bagi perbandingan bulan ke bulan, IS menurun 0.3 peratus pada Mei 2026 berikutan prestasi yang perlahan dalam beberapa komponen terutamanya

Kapasiti Penggunaan dalam Pembuatan (-0.4%), mencerminkan penyederhanaan dalam aktiviti ekonomi semasa berikutan ketidakpastian global yang berterusan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026) dengan tema “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 JULAI 2026

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor











Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 24 July 2026

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES MAY 2026

Malaysia's economic prospects remain positive with the Malaysia's Leading Index recording 0.8 per cent in May 2026

PUTRAJAYA, 24 JULY 2026 – The Malaysia's Leading Index (LI) for May 2026 continued to record positive growth of 0.8 per cent, registering 114.4 points as compared to 113.5 points in May 2025 **(Exhibit I).** Further details are provided in the publication of **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES MAY 2026**, published today by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). The LI provides an early indication of turning points in the business cycle and the near-term direction of the economy.

Commenting further on the latest findings, DOSM stated that the increase was driven by the positive performance of several components, mainly Real Money Supply, M1 (9.2%) and Real Imports of Semi Conductors (2.7%), in line with stable economic liquidity and the expansion in production activities related to electronic components. However, from a monthly perspective, the LI recorded a decline of 0.5 per cent in May 2026, following the moderation in three out of seven components, namely Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals (-0.6%), Number of New Companies Registered (-0.4%) and Number of Housing Units Approved (-0.2%).

Examining the smoothed long-term trend in May 2026, the LI remained below the 100.0 points **(Exhibit II)**. Nevertheless, the Malaysian economy is expected to be resilient, supported by stable domestic demand as well as the country's ability to adapt to changes in the global environment and current technological developments.

Meanwhile, the Coincident Index (CI), which reflects the current economic conditions, rose 2.5 per cent, recording 131.2 points in May 2026 as compared to 128.0 points in the same month of the previous year. This performance was supported by growth in almost all components, except for Capacity Utilisation in Manufacturing. On a month-on-month basis, CI decreased 0.3 per cent in May 2026 due to the softer performance in several components, particularly Capacity Utilisation in Manufacturing (-0.4%), reflecting the moderation in current economic activities following the ongoing global uncertainties.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), with themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, will be carried out from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through https://open.dosm.gov.my.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 JULY 2026

Exhibit I: Leading Composite Index



Exhibit II: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle



Exhibit III: Annual Changes of Leading Index Components